

52 | Setempat

JUMAAT  
17 OKTOBER 2014

Harian Metro



FOTO: AMRAN HAMID

SOLEH menulis khat Jawi di Karnival Semarak Jawi di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Anak Bukit.

# Seni khat penenang jiwa

■ Pemuda ceburi bidang penuh pengertian

Oleh Mohamad Hussin  
mohamad@hmetro.com.my  
**Ahor Setar**

**“S**aya sangat minat bidang seni dan menjadi kerjan kerana sebagai pekerjaa kerana jiwa saya sentiasa tenang apabila menulis Jawi,” kata Soleh Abu Bakar, 29, yang sudah bercimpung selama enam tahun dalam penulisan khat. Beliau berkata, pada awal pembabitannya dalam tulisan khat, dia mengambil kursus selama enam bulan di Yayasan Restu, Shah Alam, Selangor.

“Saya rasa jiwa lebih tenang apabila mempelajari tulisan Jawi kerana bidang seni itu bukan tertumpu pada sesuatu perkara, malah ia lebih meluas pengertiannya. Justeru, saya mengambil keputusan untuk mengikuti kursus berkenaan walaupun ramai anak mudanya memilih bidang seni nyanyian atau lakonan sebagai kerjaya mereka.

“Bertitik tolak dari situ, saya meneruskan pengajian di peringkat Diploma Seni Mushaf di Kolej Restu selama dua tahun setengah bagi memastikan saya benar-benar mahir dan berkeyakinan dalam penulisan khat. Setiap kali ada pameran berkaitan penulisan khat saya akan turut serta di samping menambah pendapatan.

“Untuk menulis khat, ke-telitian satu aspek penting

“**S**aya rasa jiwa lebih tenang apabila

mempelajari tulisan Jawi kerana bidang seni itu bukan tertumpu pada sesuatu perkara, malah ia lebih meluas pengertiannya.”  
**Soleh Abu Bakar**

supaya tidak tersilap atau sebagainya. Sebab itu pada mulanya saya menggunakan pensel supaya boleh dipadam sekiranya berlaku kesilapan sebelum menggunakan pen dakwat,” katanya yang ditemui pada Karnival Semarak Jawi @ Kedah 2014 di Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN), Anak Bukit, di sini, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Abdul Aziz Abdul Ghani, yang mewakili Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Hadir sama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Nafisah Ahmad dan Pengarah Perbandaran Perpustakaan Awam Kedah, Hashimi Hassan.

Soleh berkata, jika ditulis menggunakan dakwat dan berlaku kesilapan, tulisan itu tidak boleh dipadam de-

ngan menggunakan ‘liquid paper’ tetapi dikikis dengan menggunakan pisau cukur, diperbetul dan disemak semula.

Sementara itu, Nafisah berkata, bahan penulisan dan bacaan Jawi hari ini harus mewakili satu peratus daripada jumlah keseluruhan buku dan teks yang ada dalam pasaran walaupun program untuk menyemarakkan kembali tulisan Jawi sudah semakin maju sejak diperkenalkan 10 tahun lalu.

Beliau berkata, sehingga kini perkembangan menunjukkan orang ramai, badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta semakin memberi perhatian atas kesedaran untuk memelihara tulisan Jawi berbanding ketika ia mula diperkenalkan pada 2006.

“Dalam hal ini, kita berhubung rapat dengan pelbagai pihak termasuk DBP (Dewan Bahasa Pustaka) untuk meningkatkan lagi penerbitan bertulisan Jawi seperti mengeluarkan semula teks lama bertulisan Jawi lama yang diadaptasi dengan sistem tulisan Jawi baru yang digunakan ketika ini,” katanya.

Karnival tiga hari itu mulai semalam mengadakan pelbagai aktiviti antaranya pameran dan jualan, persembahan kebudayaan, bengkel, pertandingan bina kata Jawi, seni khat dan kraftangan, klinik Jawi, pertandingan mewarna dan sebagainya.